

19/10/2000

Umno tubuh pusat khidmat bantu rakyat

PETALING JAYA, Rabu - Umno menubuhkan Pusat Khidmat Biro Tindakan Sivil bagi membantu orang ramai yang menghadapi pelbagai masalah, termasuk dalam soal guaman.

Pusat itu yang terletak di tingkat 3, Pusat Selera Sukom, Jalan SS3/39 Sungai Way di sini, akan beroperasi mulai esok. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melancarkan pusat itu, malam ini.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno yang juga pengerusi biro itu, Azalina Othman Said, berkata pusat itu bersedia mendengar apa saja masalah rakyat dan akan berusaha menanganinya sebaik mungkin.

"Orang ramai yang menghadapi masalah di tempat kerja, masalah sosial mahupun keluarga boleh mendapatkan bantuan di pusat ini supaya kita boleh memberi kaunseling selain membantu merujukannya ke jabatan tertentu bagi menyelesaikannya.

"Kita jangan terkeliru dengan perkataan `sivil' yang bukan bermakna, tindakan sivil di mahkamah. Sivil adalah bermaksud `prihatin' dan Umno prihatin terhadap masalah rakyat. Tumpuan kami adalah pekerja industri," katanya.

Katanya, pusat itu juga bukan berkonsepkan Biro Bantuan Guaman kerana fungsinya pelbagai termasuk menangani masalah yang kerap dihadapi wanita di tempat kerja.

Sementara itu, dalam ucapannya pada majlis perasmian pusat itu malam ini, Azalina berkata, penubuhan pusat berkenaan juga bagi menyahut cabaran pada alaf baru.

"Pusat ini adalah projek pertama biro ini yang dilengkapi tiga bahagian iaitu pusat khidmat, pusat kecergasan untuk semua dan pusat latihan," katanya.

Azalina berkata, pusat itu dibuka di kawasan zon perindustrian bebas atas alasan utama mahukan pendekatan baru membawa Umno kepada rakyat kerana kawasan itu mempunyai kira-kira 35,000 warga industri dan lebih 60 peratus orang Melayu.

"Kita berharap pusat ini dapat membantu warga industri dan rakyat sekitar melengkapkan diri dengan pembangunan mental serta fizikal.

"Biro ini juga berharap pusat ini akan memulakan sebutan baru bagi Umno iaitu "kami prihatin"," katanya.

(END)